

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU  
(KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF  
GALAKAN) 2011  
[*P.U. (A) 385/2011*]

Mengandungi pindaan yang terkini P.U.(A) 366/2020

\*Teks ini bukan teks sah bagi Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 dan disediakan oleh SEDA Malaysia bagi tujuan rujukan sahaja.

# AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

## KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF GALAKAN) 2011

---

### SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

---

Kaedah

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Takrif

#### BAHAGIAN II

##### PERMOHONAN BAGI KELULUSAN GALAKAN

3. Kriteria kelayakan untuk memohon kelulusan galakan
4. Permohonan bagi kelulusan galakan
- 4A. Perubahan dalam butir-butir permohonan
5. Permohonan bagi kelulusan galakan bagi pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan hanya satu jenis sumber boleh baharu
6. Permohonan bagi kelulusan galakan bagi pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan lebih dari satu jenis sumber boleh baharu
7. Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang berbeza
8. Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang sama
9. Permohonan kadar bonus tarif galakan

10. Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan kelulusan galakan
11. Akuan penerimaan

### BAHAGIAN III

#### KELULUSAN GALAKAN

12. Pemberian kelulusan galakan
13. Syarat standard bagi kelulusan galakan
- 13A. *Dipotong*
- 13B. Permohonan untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovoltan suria
14. Tempoh kelulusan galakan
15. Perubahan dalam butir-butir maklumat
16. Penggantian perakuan kelulusan galakan
17. Penyerahhakan atau pemindahan hakmilik kelulusan galakan disebabkan oleh pembelian pemasangan tenaga boleh baharu oleh pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan
18. Permohonan untuk menyerahhakan atau memindahkan hakmilik kelulusan galakan
19. Kelulusan untuk menyerahhakan atau memindahkan hakmilik kelulusan galakan
- 19A. Penyerahan balik kelulusan galakan

### BAHAGIAN IV

#### KADAR ASAS TARIF GALAKAN DAN KADAR BONUS TARIF GALAKAN

20. Kadar asas tarif galakan
21. Kadar bonus tarif galakan

## BAHAGIAN V

### PENGIRAAN KADAR ASAS TARIF GALAKAN, TARIKH BERKUAT KUASA DAN KADAR BONUS TARIF GALAKAN

22. Pengiraan kadar asas tarif galakan dan tarikh berkuat kuasa
23. Pengiraan kadar bonus tarif galakan

## BAHAGIAN VI

### AM

24. Fi
25. Pelanjutan masa
26. Memberi maklumat atau dokumen palsu atau mengelirukan

### JADUAL PERTAMA

### JADUAL KEDUA

## AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

### KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF GALAKAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(a) dan (d) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan” ertinya struktur bangunan berbumbung yang boleh digunakan dan dimasuki dengan bebas oleh manusia dan direka bentuk secara khusus bagi maksud melindungi manusia, haiwan atau objek daripada persekitaran luaran;

“kabel saling hubungan” ertinya kabel atau talian bagi menghantar elektrik daripada suatu pemasangan tenaga boleh baharu ke suatu tempat sambungan;

“kadar tarif galakan asas” ertinya—

(a) berhubungan dengan suatu pemasangan tenaga boleh

baharu yang menggunakan biogas, biojisim atau fotovolta suria sebagai sumber boleh baharunya, kadar tarif galakan asas sebagaimana yang dinyatakan dalam baris (a) ruang ketiga Jadual kepada Akta; dan

(b) berhubungan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan hidrokuasa kecil atau geoterma sebagai sumber boleh baharunya, kadar tarif galakan asas sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual kepada Akta,

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

dan sebagaimana yang dikurangkan secara progresif di bawah seksyen 17 Akta;

“kadar tarif galakan bonus”, berhubungan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan biogas, biojisim atau fotovolta suria sebagai sumber boleh baharunya, ertinya kadar tarif galakan bonus sebagaimana yang dinyatakan dalam baris (b) ruang ketiga Jadual kepada Akta dan sebagaimana yang dikurangkan secara progresif di bawah seksyen 17 Akta;

“laporan ujian penerimaan” ertinya suatu laporan yang disediakan oleh orang berkeelayakan di bawah kaedah 14 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011 [*P.U. (A) 387/2011*];

*(Dipotong).*

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

*(Dipotong).*

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

“permohonan”, berhubungan dengan suatu permohonan bagi kelulusan galakan, ertinya suatu permohonan yang telah memenuhi semua kehendak yang terpakai di bawah Bahagian II Kaedah-Kaedah

Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“meter hasil” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

*(Dipotong).*

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

“orang berkelayakan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah- Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“pencapaian” ertinya sesuatu peringkat atau peristiwa yang penting dalam pembangunan sesuatu pemasangan tenaga boleh baharu;

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang pemegang lesen pengagihan, ertinya—

- (a)* seseorang yang memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada empat puluh sembilan peratus kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk syer keutamaan) dalam pemegang lesen pengagihan itu;
- (b)* suatu syarikat, yang dalamnya pemegang lesen pengagihan itu memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada empat puluh sembilan peratus daripada kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk syer keutamaan); atau
- (c)* suatu syarikat, yang dalamnya orang ketiga memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada empat puluh sembilan peratus daripada kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk

syer keutamaan) syarikat itu dan orang ketiga itu juga memegang lebih daripada empat puluh sembilan peratus daripada kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk syer keutamaan) dalam pemegang lesen pengagihan itu;

“syarikat asing” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

“tarikh pengendalian permulaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

“tempat sambungan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah- Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011.

## BAHAGIAN II

### PERMOHONAN BAGI KELULUSAN GALAKAN

#### **Kriteria kelayakan untuk memohon kelulusan galakan**

3. Seorang penjana yang layak adalah seperti yang berikut:

(a) seorang warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun;

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(b) berkenaan dengan suatu permohonan bagi kelulusan galakan yang berhubungan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovolta suria sebagai sumber boleh bahunya dan mempunyai kapasiti terpasang sehingga dan termasuklah puncak tujuh puluh dua kilowatt sahaja, bukan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia yang berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun;

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(c) syarikat yang diperbadankan di Malaysia selain—

(i) suatu syarikat yang dalamnya bukan warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia atau syarikat asing memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada empat puluh sembilan peratus daripada kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk syer keutamaan);

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(ii) seorang pemegang lesen pengagihan, jika permohonan bagi kelulusan galakan adalah berhubung dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang dicadangkan untuk disambungkan ke rangkaian pengagihan elektrik pemegang lesen pengagihan itu; atau

(iii) seorang sekutu pemegang lesen pengagihan, jika permohonan bagi kelulusan galakan adalah berhubung dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang dicadangkan untuk disambungkan ke rangkaian pengagihan elektrik pemegang lesen pengagihan itu;

(d) suatu pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

(e) suatu pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis tidak termasuk Pihak Berkuasa;

(f) suatu pertubuhan berdaftar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];

(g) suatu koperasi sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

(h) suatu firma sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 6 Akta Perkongsian 1961 [Akta 135];

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(ha) suatu perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197]; atau

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(i) mana-mana orang atau golongan orang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

#### **Permohonan bagi kelulusan galakan**

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan galakan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa dengan menggunakan suatu borang sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dan hendaklah disertai dengan fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) yang disempurnakan dengan sewajarnya oleh seorang penjana yang layak hendaklah dikemukakan oleh—

(a) penjana yang layak itu; atau

(b) mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis,

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

dalam bentuk fizikal ke pejabat Pihak Berkuasa atau melalui perantara elektronik atau secara penghantaran elektronik.

#### **Perubahan dalam butir-butir permohonan**

4A. (1) Jika selepas penjana yang layak mengemukakan

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

permohonan di bawah kaedah 4 dan sebelum Pihak Berkuasa memberikan kelulusan galakan dan mengemukakan perakuan kelulusan galakan, terdapat apa-apa perubahan dalam butir-butir dalam permohonan itu, penjana yang layak hendaklah, secepat yang mungkin, meminta secara bertulis kepada Pihak Berkuasa supaya meminda butir-butir yang berkaitan dalam permohonan itu.

(2) Selepas penerimaan permintaan di bawah subkaedah (1), Pihak Berkuasa boleh meluluskan atau menolak permintaan itu.

(3) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua—

(a) dikenakan ke atas penjana yang layak yang permintaan itu diluluskan dan hendaklah dibayar selepas menerima notis daripada Pihak Berkuasa; dan

(b) tidak dikenakan ke atas penjana yang layak apabila perubahan dalam butir-butir itu adalah berpunca daripada Pihak Berkuasa.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah, pada bila-bila masa, selepas meluluskan permintaan itu dan menerima fi pemprosesan, meminda butir-butir yang berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam permintaan itu dan memberitahu penjana yang layak tentang pindaan itu.

### **Permohonan bagi kelulusan galakan bagi pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan hanya satu jenis sumber boleh baharu**

5. Jika seseorang penjana yang layak bercadang untuk membina suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan satu jenis sumber boleh baharu, penjana yang layak itu hendaklah membuat suatu permohonan bagi kelulusan galakan berkenaan dengan

pepasangan itu.

**Permohonan bagi kelulusan galakan bagi pemasangan boleh baharu yang menggunakan lebih daripada satu jenis sumber boleh baharu**

6. (1) Jika seseorang penjana yang layak bercadang untuk membina suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang—

- (a) menggunakan lebih daripada satu jenis sumber boleh baharu; dan
- (b) tidak mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan tenaga boleh baharu yang dijana oleh setiap jenis sumber boleh baharu itu,

penjana yang layak itu hendaklah hanya membuat satu permohonan bagi kelulusan galakan berkenaan dengan pemasangan itu.

(2) Jika seseorang penjana yang layak bercadang untuk membina suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang—

- (a) menggunakan lebih daripada satu jenis sumber boleh baharu; dan
- (b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan tenaga boleh baharu yang dijana oleh setiap jenis sumber boleh baharu itu,

penjana yang layak itu hendaklah memohon suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan kapasiti terpasang bagi setiap bahagian pemasangan tenaga boleh baharu itu yang menjana tenaga

boleh baharu dengan menggunakan setiap jenis sumber boleh baharu itu.

**Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti dalam pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang berlainan**

7. (1) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

- (a) menggunakan satu jenis sumber boleh baharu yang baharu; dan
- (b) tidak mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memohon suatu kelulusan galakan yang baharu berkenaan dengan jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangannya selepas mengambil kira peningkatan dalam kapasiti terpasang itu.

(2) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

- (a) menggunakan satu jenis sumber boleh baharu yang baharu; dan
- (b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memegang simpan kelulusan galakannya yang terdahulu dan memohon suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang pemasangan itu.

(3) Jika suatu kelulusan galakan yang baharu diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah subkaedah (1), pemegang kelulusan galakan itu hendaklah menyerahkan balik kelulusan galakannya yang diberikan terdahulu itu kepada Pihak Berkuasa mengikut kaedah 19A pada atau sebelum tarikh pengendalian permulaan bagi jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu.

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(4) Apabila kelulusan galakan yang diberikan terdahulu diserahkan balik di bawah subkaedah (3), kelulusan galakan yang diberikan terdahulu itu hendaklah disifatkan telah digantikan dengan kelulusan galakan yang baharu itu.

**Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang sama**

8. (1) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

(a) menggunakan jenis sumber boleh baharu yang sama;  
dan

(b) tidak mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memohon suatu kelulusan

galakan yang baharu berkenaan dengan jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pepasangannya selepas mengambil kira peningkatan dalam kapasiti terpasang itu.

(2) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

- (a) menggunakan jenis sumber boleh baharu yang sama; dan
- (b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memegang simpan kelulusan galakannya yang terdahulu dan memohon suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang bagi pemasangan itu.

(3) Jika suatu kelulusan galakan yang baharu diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah subkaedah (1), pemegang kelulusan galakan itu hendaklah menyerahkan balik kelulusan galakannya yang diberikan terdahulu kepada Pihak Berkuasa mengikut kaedah 19A pada atau sebelum tarikh pengendalian permulaan bagi jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu.

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(4) Apabila kelulusan galakan yang diberikan terdahulu diserahkan balik di bawah subkaedah (3), kelulusan galakan yang diberikan terdahulu itu hendaklah disifatkan telah digantikan dengan kelulusan galakan yang baharu itu.

### **Permohonan bagi kadar tarif galakan bonus**

9. Jika seseorang penjana yang layak bercadang untuk memohon apa-apa kadar tarif galakan bonus berkenaan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang—

- (a) hanya sebahagian daripada pemasangan itu telah atau akan memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan
- (b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan tenaga boleh baharu yang dijana oleh bahagian pemasangan itu yang disebut dalam perenggan (a),

penjana yang layak hendaklah memohon suatu kelulusan galakan berkenaan dengan kapasiti terpasang bagi bahagian pemasangan itu yang disebut dalam perenggan (a) dan suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan kapasiti terpasang bagi bahagian lain pemasangan itu.

### **Maklumat dikehendaki untuk permohonan kelulusan galakan**

10. (1) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan galakan di bawah subkaedah 5, 6, 7, 8 atau 9 hendaklah mengemukakan, bila mana terpakai, maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir penjana yang layak;
- (b) suatu perihalan tentang pemasangan tenaga boleh baharu yang hendaklah dimiliki oleh penjana yang layak, termasuklah—
  - (i) sumber tenaga baharu yang hendaklah digunakan bagi pengendalian pemasangan

tenaga boleh baharu itu;

- (ii) kapasiti terpasang yang dicadangkan bagi pemasangan tenaga boleh baharu itu dan tahap keupayaan pemasangan tenaga boleh baharu itu untuk menyediakan tenaga boleh baharu;
  - (iii) lokasi yang dicadangkan bagi pemasangan tenaga boleh baharu itu;
  - (iv) tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang dicadangkan, jika terpakai, yang hendaklah mengambil kira semakan pengesahan sambungan atau kehendak kajian sistem kuasa yang dijalankan mengikut Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011; dan
  - (v) pencapaian yang dicadangkan dan tarikh yang pencapaian itu hendaklah dicapai;
- (c) nama pemegang lesen pengagihan yang rangkaian pengagihan elektriknya dicadangkan untuk disambungkan ke pemasangan tenaga boleh baharu;
- (d) lokasi, butir-butir dan spesifikasi bagi penyambungan yang dicadangkan antara pemasangan tenaga boleh baharu dengan tempat sambungan dan, jika terpakai, disertai dengan suatu salinan laporan semakan pengesahan sambungan atau kajian sistem kuasa mengikut Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

- (e) butir-butir bagi apa-apa kelulusan galakan yang kini atau yang dahulunya dipegang oleh penjana yang layak;
- (f) keterangan tentang pemunyaan bagi, atau hak bersyarat atau tidak bersyarat penjana yang layak untuk menggunakan, tapak atau bangunan yang padanya pemasangan tenaga boleh baharu hendaklah ditempatkan;
- (g) jika penjana yang layak memohon apa-apa kadar tarif galakan bonus, apa-apa dokumen yang dikehendaki di bawah subkaedah 21(1); dan
- (h) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa secara bertulis.

(2) Dalam hal suatu permohonan bagi kelulusan galakan oleh suatu syarikat, permohonan itu hendaklah disertai dengan maklumat yang dikehendaki di bawah subkaedah (1) dan, jika terpakai, dengan maklumat tambahan yang berikut:

- (a) maklumat korporat syarikat itu termasuklah pemegang syer benefisial utama bagi syarikat itu; *P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*
- (b) akaun teraudit, memorandum dan perkara persatuan, atau perlembagaan suatu syarikat, dan salinan dokumen yang diperaku di bawah seksyen 17, 46, 58, 68 dan 78 Akta Syarikat 2016; dan *P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*
- (c) model kewangan syarikat itu. *P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

### **Akuan penerimaan**

11. Apabila suatu permohonan bagi kelulusan galakan diterima di bawah Kaedah- Kaedah ini, Pihak Berkuasa hendaklah mengeluarkan suatu akuan penerimaan kepada penjana yang layak mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

## **BAHAGIAN III KELULUSAN GALAKAN**

### **Pemberian atau keengganan memberikan kelulusan galakan**

12. (1) Jika Pihak Berkuasa telah memutuskan sama ada untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan bagi kelulusan galakan yang dibuat di bawah kaedah 5, 6, 7, 8 atau 9, Pihak Berkuasa hendaklah, dengan notis bertulis, memaklumkan keputusannya kepada penjana yang layak dan pemegang lesen pengagihan yang berkenaan secepat yang dapat dilaksanakan.

(2) Jika permohonan diluluskan di bawah subkaedah (1), Pihak Berkuasa hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kelulusan galakan kepada pemegang kelulusan galakan itu.

### **Syarat standard bagi kelulusan galakan**

13. (1) Seseorang pemegang kelulusan galakan hendaklah mematuhi syarat standard yang berikut:

(a) tertakluk kepada subkaedah (2) dan (3), pemegang kelulusan galakan hendaklah terus mematuhi kriteria kelayakan yang diperihalkan dalam kaedah 3;

(b) pemegang kelulusan galakan hendaklah mencapai apa-apa pencapaian mengikut apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;

- (c) pemegang kelulusan galakan hendaklah mengikut dan mematuhi syarat kelulusan galakannya, peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta, dan semua undang-undang lain yang terpakai;
- (d) pemegang kelulusan galakan hendaklah memberikan maklumat, dalam apa-apa format dan pada apa-apa lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa mengikut Akta dan perundangan subsidiarinya;
- (e) tertakluk kepada subkaedah (2), pemegang kelulusan galakan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perubahan dalam hal keadaan—
- (i) yang akan menyebabkan pemegang kelulusan galakan tidak mematuhi kriteria kelayakan yang diperihalkan dalam kaedah 3; dan
- (ii) yang sebaliknya akan menyebabkan pemegang kelulusan galakan itu tidak lagi berhak untuk diberikan kelulusan galakan di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini; dan
- (f) pemegang kelulusan galakan hendaklah mematuhi apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

(2) Jika kelulusan galakan suatu pemasangan tenaga boleh baharu telah diserahkan atau dipindah hakmilik kepada seorang pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu disebabkan oleh suatu kemungkiran perjanjian pembelian kuasa

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

tenaga boleh baharu, pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu tidak dikehendaki atau mematuhi perenggan (1)(a) dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penyerahhakkan atau pemindahan hakmilik atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Selepas habis tempoh yang disebut dalam subkaedah (2), pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu hendaklah mematuhi syarat-syarat standard yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) dengan menjual hak, hakmilik dan kepentingannya dalam pemasangan tenaga boleh baharu itu supaya pemunyaan secara langsung atau tidak langsung pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu bagi pemasangan tenaga boleh baharu itu tidak melebihi empat puluh sembilan peratus.

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

13A. (*Dipotong*).

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

**Permohonan untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovoltan suria**

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

13B. (1) Seorang pemegang kelulusan galakan boleh memohon kepada Pihak Berkuasa untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovoltan suria ke lokasi lain.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa secara bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dan disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Pihak Berkuasa boleh, selepas berpuas hati bahawa penempatan semula yang disebut dalam subkaedah (1) tidak boleh diramal secara munasabah pada masa permohonan bagi kelulusan galakan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan keputusannya kepada pemegang kelulusan galakan secepat yang dapat dilaksanakan.

### **Tempoh kelulusan galakan**

14. Tempoh bagi suatu kelulusan galakan hendaklah sama dengan tempoh berkuat kuasa yang terpakai bagi seseorang pemegang kelulusan galakan.

### **Perubahan dalam butir-butir maklumat**

15. (1) Jika selepas suatu kelulusan galakan diberikan dan suatu perakuan kelulusan galakan dikeluarkan, terdapat apa-apa perubahan dalam butir-butir maklumat yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa di bawah kaedah 10, pemegang kelulusan galakan hendaklah, secepat yang mungkin, meminta secara bertulis dan mengemukakan perakuan kelulusan galakan kepada Pihak Berkuasa supaya meminda maklumat yang berkaitan sebagaimana dikemukakan kepada Pihak Berkuasa.

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

(2) Selepas penerimaan permintaan di bawah subkaedah (1), Pihak Berkuasa boleh meluluskan atau menolak permintaan itu.

(3) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua—

(a) dikenakan ke atas pemegang kelulusan galakan yang permintaan itu diluluskan dan hendaklah dibayar oleh pemegang kelulusan galakan selepas menerima notis daripada Pihak Berkuasa; dan

(b) tidak dikenakan ke atas pemegang kelulusan galakan apabila perubahan dalam butir-butir maklumat itu adalah berpunca daripada Pihak Berkuasa.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah, pada bila-bila masa, selepas

meluluskan permintaan itu dan menerima fi pemprosesan—

- (a) meminda maklumat yang berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam permintaan itu;
- (b) memberitahu secara bertulis pemegang kelulusan galakan tentang pindaan itu; dan
- (c) membuat pengendorsan atau pindaan pada perakuan kelulusan galakan atau mengeluarkan suatu perakuan kelulusan galakan yang baru, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Pihak Berkuasa boleh menolak permintaan di bawah subkaedah (2), jika selepas suatu siasatan yang difikirkannya patut dan wajar, ia berpuas hati atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa perubahan dalam butir-butir maklumat itu—

- (a) akan mengakibatkan pemegang kelulusan galakan tidak mematuhi kriteria kelayakan yang diperihalkan dalam kaedah 3; atau
- (b) sebaliknya akan mengakibatkan pemegang kelulusan galakan itu tidak lagi layak untuk diberikan kelulusan galakan di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini.

(6) Suatu penolakan di bawah subkaedah (5) hendaklah tanpa menjejaskan hak Pihak Berkuasa untuk membatalkan kelulusan galakan di bawah seksyen 10 Akta.

### **Penggantian perakuan kelulusan galakan**

16. (1) Jika suatu perakuan kelulusan galakan hilang atau musnah, seseorang pemegang kelulusan galakan hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Pihak Berkuasa berkenaan

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

dengan kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Pemegang kelulusan galakan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pihak Berkuasa secara bertulis bagi penggantian perakuan kelulusan galakan itu dan permohonan itu hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa dan fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

(3) Jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan sesuatu perakuan kelulusan galakan di bawah subkaedah (1) tidak membabitkan apa-apa fraud, Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan suatu penggantian bagi perakuan kelulusan galakan itu dengan perkataan "PENDUA" diendorskan pada perakuan kelulusan galakan yang baharu.

(4) Perakuan kelulusan galakan pendua yang dikeluarkan di bawah subkaedah (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama sebagaimana perakuan kelulusan galakan yang asal.

**Penyerahhakan atau pemindahan hakmilik kelulusan galakan disebabkan oleh pembelian pemasangan tenaga boleh baharu oleh pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan**

17. Seseorang pemegang kelulusan galakan yang pemasangan tenaga boleh baharunya telah dibeli oleh pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu yang disebabkan oleh suatu kemungkiran perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu yang didaftarkan di bawah Akta hendaklah menyerahhakan atau memindahkan hakmilik kelulusannya kepada pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan mengikut Kaedah-Kaedah ini.

**Permohonan bagi menyerahhakkan atau memindahkan hakmilik kelulusan galakan**

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

18. (1) Seseorang pemegang kelulusan galakan boleh memohon untuk menyerahhakkan atau memindahkan hakmilik kelulusan galakannya dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Pihak Berkuasa dan permohonan itu hendaklah disertai dengan—

(a) butir-butir yang berkaitan bagi penyerahhakan atau pemindahan hakmilik yang dicadangkan itu, termasuklah butir-butir pemegang serah hak atau penerima pindahan yang dicadangkan; dan

(b) fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa selepas penerimaan permohonan di bawah subkaedah (1), meminta pemegang kelulusan galakan untuk memberikan maklumat tambahan atau dokumen lain kepada Pihak Berkuasa dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(3) Apabila permintaan di bawah subkaedah (2) diterima, pemegang kelulusan galakan hendaklah memberikan maklumat tambahan atau dokumen lain itu kepada Pihak Berkuasa.

(4) Jika apa-apa maklumat tambahan atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subkaedah (2) tidak disediakan oleh pemegang kelulusan galakan dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan selanjutnya.

(5) Apa-apa permohonan yang disifatkan telah ditarik balik di bawah subkaedah (4) tidak boleh menjejaskan hak pemegang kelulusan galakan untuk membuat permohonan baru.

**Kelulusan untuk menyerahhakkan atau memindahkan hakmilik  
kelulusan galakan**

*P.U.(A) 107/2013  
28 Mac 2013*

19. (1) Pihak Berkuasa boleh, selepas menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 18(1) dan berpuas hati dengan maklumat tambahan atau dokumen lain yang diberikan di bawah subkaedah 18(3), meluluskan, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(2) Pihak Berkuasa tidak boleh memberikan kelulusan di bawah subkaedah (1) melainkan jika pemegang kelulusan galakan itu memberikan keterangan yang mencukupi yang memuaskan hati Pihak Berkuasa bahawa penyerahhakan atau pemindahan hakmilik yang dicadangkan itu—

- (a) tidak boleh diramal secara munasabah pada masa permohonan bagi kelulusan galakan itu dibuat;
- (b) adalah adil dan munasabah; dan
- (c) adalah selaras dengan perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 3(3) Akta.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah memaklumkan keputusannya di bawah subkaedah (1) kepada pemegang kelulusan galakan melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(4) Notis bertulis yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah menyatakan—

- (a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, apa-apa syarat yang dikenakan ke atas kelulusan itu, sekiranya ada; dan

(b) dalam hal jika permohonan itu ditolak, alasan bagi penolakan itu.

(5) Walau apa pun subkaedah (2), Pihak Berkuasa boleh meluluskan suatu permohonan bagi pemegang kelulusan galakan untuk menyerahkan atau memindahkan kelulusan galakan jika—

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

(a) pemegang kelulusan galakan atau pemegang lesen pengagihan memungkiri perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu; atau

(b) dalam hal pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan tenaga boleh baharu fotovolta suria, pemegang kelulusan galakan mengemukakan keterangan kepada Pihak Berkuasa hakmilik strata suatu bangunan, atau penjualan atau memindahkan tanah yang padanya pemasangan tenaga boleh baharu dipasang.

(6) Jika pemegang kelulusan galakan mati, Pihak Berkuasa boleh, atas permohonan bertulis dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa, menyerahkan atau memindahkan hakmilik kelulusan galakan itu kepada orang yang layak dan sesuai bagi manfaat estet pemegang kelulusan galakan sehingga habisnya tempoh kelulusan galakan itu atau apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang didapati patut oleh Pihak Berkuasa dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemegang kelulusan galakan.

*P.U. (A) 107/2013  
28 Mac 2013*

### **Penyerahan balik kelulusan galakan**

19A. (1) Mana-mana pemegang kelulusan galakan yang berhasrat untuk menyerahkan balik kelulusan galakannya hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa dan mengemukakan pemberitahuan tersebut bersama dengan perakuan

*P.U. (A) 107/2013  
28 Mac 2013*

kelulusan galakan.

(2) Penyerahan balik kelulusan galakan itu berkuat kuasa selepas Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa pemegang kelulusan galakan memenuhi segala liabiliti dan obligasinya yang belum selesai pada masa notis penyerahan balik itu.

(3) Penyerahan balik kelulusan galakan hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 8(3) Akta.

(4) Suatu penyerahan balik kelulusan galakan tidak boleh ditarik balik oleh pemegang kelulusan galakan.

#### BAHAGIAN IV

#### KADAR TARIF GALAKAN ASAS DAN KADAR TARIF GALAKAN BONUS

##### **Kadar tarif galakan asas**

20. Seseorang pemegang kelulusan galakan adalah layak untuk menerima kadar tarif galakan asas berdasarkan—

(a) kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya; dan

(b) jenis sumber boleh baharu yang hendaklah digunakan oleh pemasangan itu,

mengikut Akta dan Bahagian V Kaedah-Kaedah ini, dan sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan galakannya.

##### **Kadar tarif galakan bonus**

21. (1) Tertakluk kepada kaedah 23, seorang pemegang kelulusan galakan adalah layak untuk menerima suatu kadar tarif galakan bonus

*P.U.(A) 366/2020  
22 Disember 2020*

jika pemegang kelulusan galakan itu memnuhi kriteria bagi kadar tarif galakan bonus dan mengemukakan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memperakui semua salinan dokumen yang disebut dalam subkaedah (1) dengan cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Seseorang pemegang kelulusan galakan yang mengemukakan dokumen di bawah subkaedah (1) hendaklah memastikan bahawa dokumen yang dikemukakan adalah betul, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan suatu representasi bahawa dokumen ini adalah betul, tepat dan lengkap, termasuk suatu representasi bahawa dia atau ia tidak menyedari tentang apa-apa maklumat atau dokumen lain yang boleh membuatkan dokumen yang dikemukakan itu tidak betul atau mengelirukan.

## BAHAGIAN V

### PENGIRAAN KADAR TARIF GALAKAN ASAS, TEMPOH BERKUAT KUASA DAN KADAR TARIF GALAKAN BONUS

#### **Pengiraan kadar tarif galakan asas dan tempoh berkuat kuasa**

22. (1) Jika suatu permohonan bagi kelulusan galakan di bawah kaedah 5 diberikan oleh Pihak Berkuasa, kadar tarif galakan asas, kadar tarif galakan bonus, tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan dan tempoh berkuat kuasa yang terpakai bagi pemasangan itu adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Akta.

(2) Jika sesuatu permohonan bagi kelulusan galakan di bawah subkaedah 6(1) diberikan oleh Pihak Berkuasa—

(a) kadar tarif galakan asas berkenaan dengan semua

tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan itu hendaklah dikira berdasarkan—

(i) kadar tarif galakan asas yang paling rendah antara jenis sumber boleh baharu yang digunakan itu; dan

(ii) jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu; dan

(b) tempoh berkuat kuasa berkenaan dengan semua tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan itu hendaklah dikira berdasarkan tempoh berkuat kuasa yang paling pendek antara jenis sumber boleh baharu yang digunakan.

(3) Jika suatu permohonan bagi kelulusan galakan yang berasingan di bawah subkaedah 6(2) diberikan oleh Pihak Berkuasa, tenaga boleh baharu yang dijana oleh setiap jenis sumber boleh baharu itu hendaklah disifatkan sebagai dijana oleh suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang berasingan bagi maksud menentukan kadar tarif galakan asas, kadar tarif galakan bonus, tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan dan tempoh berkuat kuasa yang terpakai.

(4) Jika suatu permohonan bagi suatu kelulusan galakan di bawah subkaedah 7(1) diberikan oleh Pihak Berkuasa—

(a) kadar tarif galakan asas berkenaan dengan semua tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan tenaga boleh baharu itu hendaklah dikira berdasarkan—

(i) kadar tarif galakan asas yang paling rendah antara jenis sumber boleh baharu yang

digunakan itu; dan

(ii) jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu; dan

(b) tempoh berkuat kuasa berkenaan dengan semua tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan tenaga boleh baharu itu hendaklah dikira berdasarkan tempoh berkuat kuasa yang paling pendek antara jenis sumber boleh baharu yang digunakan dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang baharu bagi kelulusan galakan yang baharu itu dan berterusan bagi tempoh penuh yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual kepada Akta.

(5) Jika suatu permohonan bagi kelulusan galakan yang berasingan di bawah subkaedah 7(2) diberikan oleh Pihak Berkuasa, tenaga boleh baharu yang dijana oleh kapasiti terpasang yang ditingkatkan itu hendaklah disifatkan sebagai dijana oleh suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang berasingan bagi maksud menentukan kadar tarif galakan asas, kadar tarif galakan bonus, tarikh permulaan kuat kuasa tariff galakan dan tempoh berkuat kuasa yang terpakai.

(6) Jika suatu permohonan bagi suatu kelulusan galakan di bawah subkaedah 8(1) diberikan oleh Pihak Berkuasa—

(a) kadar tarif galakan asas berkenaan dengan semua tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan itu hendaklah dikira berdasarkan jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu; dan

(b) tempoh berkuat kuasa berkenaan dengan semua tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan tenaga boleh baharu itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh permulaan kuat kuasa tariff galakan yang baharu bagi kelulusan galakan yang baharu itu dan berterusan bagi tempoh penuh yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual kepada Akta.

(7) Jika suatu permohonan bagi kelulusan galakan yang berasingan di bawah subkaedah 8(2) diberikan oleh Pihak Berkuasa, tenaga boleh baharu yang dijana oleh kapasiti terpasang yang ditingkatkan itu hendaklah disifatkan sebagai dijana oleh suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang berasingan bagi maksud menentukan kadar tarif galakan asas, kadar tarif galakan bonus, tarikh permulaan kuat kuasa tariff galakan dan tempoh berkuat kuasa yang terpakai.

### **Pengiraan kadar tarif galakan bonus**

23. Jika suatu permohonan bagi kelulusan galakan yang berasingan di bawah kaedah 9 diberikan oleh Pihak Berkuasa, tenaga boleh baharu yang dijana oleh setiap bahagian pemasangan itu hendaklah disifatkan sebagai dijana oleh suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang berasingan bagi maksud menentukan kadar tarif galakan bonus, tarikh permulaan kuat kuasa tariff galakan dan tempoh berkuat kuasa yang terpakai.

## **BAHAGIAN VI**

### **AM**

#### **Fi**

